



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

SYARIKAT PENGUMPUL BARANG LUSUH DIDENDA RM25,000 KERANA MENCEMARKAN UDARA

12 Januari 2021, SHAH ALAM – Sebuah kilang yang menjalankan aktiviti pengumpulan barang lusuh didenda sebanyak **RM25,000** bagi dua (2) pertuduhan oleh Mahkamah Sesyen kerana gagal mematuhi Notis Arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Seksyen 31(1) & Seksyen 37(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Hakim menjatuhkan hukuman itu terhadap pengarah syarikat yang mengaku bersalah terhadap dua (2) pertuduhan berkenaan.

Bagi pertuduhan pertama, syarikat tersebut didapati telah gagal mematuhi Notis Arahan iaitu memastikan langkah kawalan pencemaran habuk dilaksanakan dengan sewajarnya ketika pengendalian barang lusuh logam di premis sepertimana kehendak di bawah Seksyen 31(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Manakala bagi pertuduhan kedua, syarikat tersebut didapati gagal mematuhi Notis Arahan iaitu mengemukakan maklum balas dalam bentuk laporan bertulis, dokumen-dokumen dan gambar yang berkaitan dengan tindakan yang telah diambil oleh premis sepertimana kehendak di bawah Seksyen 37(1), Akta yang sama.

Hakim telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM23,000 yang mana hukuman maksima bagi kesalahan di bawah Seksyen 31(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah RM25,000 bagi pertuduhan pertama.

Manakala bagi pertuduhan kedua pula hukuman maksima dijatuhkan iaitu sebanyak RM2,000.

Terdahulu, pegawai pendakwa JAS Negeri Selangor memohon mahkamah memberikan hukuman berat berdasarkan pertimbangan ke atas kepentingan awam.

JAS Negeri Selangor akan terus mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya juga ingin berterima kasih kepada orang awam yang membantu memberi maklumat tentang aktiviti-aktiviti yang mencemarkan alam sekitar.

Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

NOR AZIAH JAAFAR

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

Dikeluarkan pada 13 Januari 2021



